

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Kesusasteraan Melayu 2215/1 mengandungi dua bahagian :

Bahagian Satu Bahagian ini mengandungi soalan struktur. Calon wajib menjawab kesemua soalan yang terdiri daripada 10 soalan dan mengandungi satu atau dua pecahan. Setiap soalan diperuntukkan 4 markah. Markah penuh ialah 40 markah.

Bahagian Dua Bahagian ini merupakan soalan esei. Terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C dengan enam soalan yang diuji. Setiap bahagian terdiri daripada dua soalan. Calon wajib menjawab tiga soalan iaitu satu soalan bagi setiap bahagian. Markah maksimum bagi setiap soalan ialah 20 markah. Markah penuh ialah 60 markah.

- Soalan 1 dan 2 adalah bahagian A yang terdiri daripada puisi tradisional dan prosa klasik.
- Soalan 3 dan 4 adalah bahagian B yang terdiri daripada puisi moden dan drama.
- Soalan 5 dan 6 adalah bahagian C yang terdiri daripada cerpen dan novel.

Calon diberi masa dua jam tiga puluh minit untuk menjawab kedua-dua bahagian iaitu bahagian Satu dan Dua.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon agak baik jika dibandingkan dengan prestasi calon tahun 2004..

Ramai calon mampu menjawab soalan struktur dengan lebih baik berbanding tahun lepas. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa perubahan dalam bentuk soalan struktur pada tahun ini.

Markah yang baik diperolehi daripada jawapan untuk soalan esei iaitu Bahagian Dua terutamanya bagi soalan nombor 1, 3 dan 6.

Walau bagaimanapun masih terdapat calon yang memberikan jawapan yang kurang mantap dan menggambarkan kelemahan mereka dalam menguasai isi teks serta istilah-istilah asas sastera.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon kumpulan ini berjaya menjawab kebanyakan soalan Bahagian Satu dengan tepat dan padat sebagaimana kehendak peraturan pemarkahan. Walau bagaimanapun tidak terdapat calon yang menjawab dengan tepat kesemua soalan bagi bahagian ini. Bagi Bahagian Dua, jawapan yang dikemukakan bertepatan dengan kehendak soalan dan terdapat calon yang memberikan isi yang melebihi markah maksimum. Jawapan disampaikan dengan bahasa yang baik dan berkesan di samping persembahan tulisan yang kemas dan teratur.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan calon bagi Bahagian Satu kurang tepat dan tidak jelas. Hanya beberapa soalan sahaja yang dijawab dengan tepat. Malah ada calon yang langsung tidak menjawab. Bagi Bahagian Dua isi yang dikemukakan agak terhad menyebabkan calon tidak dapat mencapai markah yang baik. Penyampaian jawapan calon masih pada tahap yang memuaskan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Bagi Bahagian Satu, calon gagal mengemukakan jawapan dengan tepat, malah terdapat calon yang langsung tidak menjawab. Bagi Bahagian Dua pula jawapan calon kurang jelas atau kabur dengan jawapan terhad dan memberikan sinopsis serta bercampur aduk. Calon sebenarnya tidak menguasai teks serta teknik menjawab soalan. Penyampaian jawapan calon lemah.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian Satu


Soalan 1

Soalan ini menguji bentuk puisi dan kekuatan jawapan calon ialah dapat menjawab dengan tepat berserta contoh. Manakala kelemahannya pula, calon tidak dapat menyatakan contohnya dengan tepat. Sebahagian besarnya pula memberikan hanya satu contoh yang menyebabkan calon tidak mendapat markah yang tinggi.

Contoh jawapan 1(a)

Contoh jawapan yang baik:


(a) Apakah bentuk puisi di atas?

Pantun berkait  [1 markah]

Dalam jawapan di atas calon menyebut bentuk puisi dengan tepat.

Contoh jawapan yang salah:

a) Apakah bentuk puisi di atas?

bentuk empat baris.  [1 markah]

Calon tidak menyebut pantun dalam jawapannya yang diberi.

Contoh jawapan 1(b)

Contoh jawapan yang baik.

(b) Mengapakah anda menyatakan bentuk puisi di atas sedemikian?

Berikan contoh.

Bentuk puisi di atas ialah mempunyai dua rangkap dan (empat baris). (Setiap baris mempunyai empat hingga lima patah perkataan) (Rima akhirnya terikat) (1914 9.9.9.9). (Syk9 ketany9 serag99n) 1+1 (1914 diantara 9-10) (syk9 kata. Setiap langkap mempunyai pembayang^{an} dan maksud.)

Ciri-ciri pantun diberikan dengan tepat dan jelas.

Contoh jawapan yang sederhana.

(b) Mengapakah anda menyatakan bentuk puisi di atas sedemikian?

Berikan contoh.

Karena puisi di atas mempunyai pembayang beserta maksud seperti Bairing dengan si burung halang
Bermain angin ~~hanyu~~ manemani ruang
Bairing nanti bertubuh dilu halang, itu namanya hidup
berjuang.

Calon hanya memberikan satu ciri pantun sahaja.

Contoh jawapan yang salah.

(b) Mengapakah anda menyatakan bentuk puisi di atas sedemikian?

Berikan contoh.

..... karena ada empat baris.

Calon hanya menyebut empat baris sahaja. Sepatutnya empat baris serangkap.

Soalan 2

Soalan 2 berdasarkan petikan daripada Cerita Bunga Bakawali. Calon mampu menjawab dengan tepat bagi kedua-dua pecahan. Nama watak dan sebab dia dihalau diberikan dengan tepat. Kelemahannya ialah calon tidak dapat menyatakan nama watak dengan tepat dan tidak dapat memberikan sebab dengan jelas. Kesilapan calon ialah calon hanya memberikan jawapan berdasarkan petikan bukan cerita sebenar..

Contoh jawapan 2(a)

Contoh jawapan yang baik:

- (a) Siapakah anak bedebah yang dimaksudkan dalam petikan di atas?

Tajul Muluk

..... [2 markah]

Nama watak yang diberi tepat.

Contoh jawapan yang salah.

- (a) Siapakah anak bedebah yang dimaksudkan dalam petikan di atas?

Anak bedebah tersebut ialah seorang peniaga yang dibenci oleh baginda.

..... [2 markah]

Nama watak yang diberi salah.

Contoh jawapan 2(b).

Contoh jawapan yang baik.

- (b) Mengapakah baginda menghalau anaknya itu?

Kerana baginda menjadi luty sebaik sahaja terpancing wajah Tajul Muluk

..... $\frac{2}{4}$ [2 markah]

Sebab yang dinyatakan tepat seperti dalam cerita.

Contoh jawapan yang salah.

- (b) Mengapakah baginda menghalau anaknya itu?

Baginda menghalau anaknya kerana anaknya di tuduh berlaku tidak sopan.

..... [2 markah]

Jawapan yang diberi tidak mengikut fakta dalam cerita.

Soalan 3

Soalan berdasarkan petikan. Terlalu kecil bilangan calon yang dapat menjawab dengan tepat. Kelemahan ialah calon tidak dapat menyatakan bukti dengan jelas kerana tidak memahami soalan iaitu ciri cerita panji yang berdasarkan petikan diberi. Kesilapan yang jelas, calon mengambil semula apa-apa yang terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan soalan 3

Contoh jawapan yang baik:

Petikan di atas tergolong dalam cerita panji.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan tersebut.

(i) Terdapatnya unsur pengembaraan

[2 markah]

(ii) Watak terdiri dari anak-anak raja

[2 markah]

Ciri-ciri cerita panji yang diberi bertepatan seperti yang terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan yang sederhana.

Petikan di atas tergolong dalam cerita panji.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan tersebut.

(i) Golongan Istana/bangsawan contohnya kaum kerabat keluarga malim Hitam.

[2 markah]

(ii) Unsur kesaktian contohnya Bongsu Pinang peribut mempunyai kuasa menca but memai pokok dengan seorang diri dan memakan nasi sekawah serta sekite gulai.

[2 markah]

(iii) Unsur percintaan contohnya Bongsu Pinang peribut dengan puteri susu ganga.

Calon mencampuradukkan ciri-ciri cerita panji secara umum dengan ciri-ciri yang terdapat dalam petikan. Sepatutnya calon memberikan jawapan dengan merujuk petikan.

Contoh jawapan yang salah.

Petikan di atas tergolong dalam cerita panji.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan tersebut.

- (i) Kerana ~~ianya~~ ^{nama} ~~ia~~ ^{mereka} berkaitan dengan negara dan
nama [2 markah]
- (ii) Kerana ~~ianya~~ mempunyai jalan cerita yang menarik:

Jawapan yang diberi tidak berkaitan dengan ciri-ciri cerita panji.

Soalan 4

Soalan berdasarkan petikan sajak. Kekuatannya ialah calon dapat memberikan maksud dan tema sajak dengan tepat. Kelemahannya ialah calon gagal memahami maksud rangkaikata dan tema sajak. Calon hanya menyatakan semula apa-apa yang terdapat dalam sajak dan bukan menafsirkannya.

Contoh jawapan soalan 4(a)

Contoh jawapan yang baik.

- (a) Berikan maksud bertutur melebarkan peta.

Bahasa Melayu dipergunakan secara meluas: /

Maksud baris sajak tepat mengikut konteks sajak.

Contoh jawapan yang sederhana.

- (a) Berikan maksud bertutur melebarkan peta.

Maksud bertutur melebarkan peta adalah berkata atau bercakap
untuk memluaskan fahaman bahasa yang digunakan: /
[2 markah]

Penyampaian jawapan calon tidak jelas tetapi terdapat maksud yang boleh diterima.

Contoh jawapan yang salah.

- (a) Berikan maksud bertutur melebarkan peta.

Maksud bertutur melebarkan peta ialah
berinteraksi antara satu sama lain. /
[2 markah]

Calon tidak memahami maksud baris sajak. Tiada markah yang boleh diberi.

Contoh jawapan soalan 4(b)

Contoh jawapan yang baik.

(b) Apakah tema puisi di atas?

Tema sajak di atas ialah perkembangan bahasa.

Tema yang diberikan tepat dan mengikut teknik pernyataan tema yang betul.

Contoh jawapan yang sederhana.

(b) Apakah tema puisi di atas?

Tema puisi di atas adalah persoalan tentang penggunaan bahasa melayu yang semakin berkembang.

Tema yang diberikan tidak begitu jelas tetapi masih terdapat pernyataan yang boleh diterima.

Contoh jawapan yang salah.

(b) Apakah tema puisi di atas?

Tema puisi di atas ialah semangat perjuangan dalam menentang penjajah.

Jawapan yang diberikan tidak berkaitan dengan tema petikan sajak.

Soalan 5

Soalan bertanyakan tentang maksud istilah sastera. Sebilangan kecil calon dapat menyatakan maksud simbolik dengan tepat dan jelas serta memberi maksud simbolik *tikar mengkuang dan hamparan bulu*. Terdapat juga sebilangan calon yang memberikan jawapan penggunaan kedua-dua jenis hamparan tersebut. Kesilapan yang ketara apabila calon tidak faham maksud simbolik.

Contoh jawapan soalan 5(a)

Contoh jawapan yang baik.

(a) Apakah maksud simbolik?

Simbolik bermaksud sesuatu yang mempunyai maksud tersendiri atau terdapat dalam sesuatu tajuk atau perkataan.

Maksud simbolik dinyatakan dengan tepat mengikut disiplin sastera.

Contoh jawapan yang sederhana.

(a) Apakah maksud simbolik?

Simbolik bermaksud perkara ^{atau} yang maksud yang ingin digambarkan kepada sesuatu benda yang lain sebagai tanda. ✓ 2

Jawapan tidak tepat tetapi masih terdapat maksud yang boleh diterima.

Contoh jawapan yang salah.

(a) Apakah maksud simbolik?

Simbolik bermaksud tanda sesuatu simbol / kehendak. 0

Calon langsung tidak faham maksud simbolik.

Contoh jawapan soalan 5(b)

Contoh jawapan yang baik.

(b) Apakah simbolik 'Tikar Mengkuang' dan 'Hampan Bulu' dalam drama ini. ?

Tikar Mengkuang menggambarkan golongan miskin seperti Pak Desa dan Hampan Bulu menggambarkan golongan kaya seperti Paduka Demang. [2 markah]

Simbol bagi kedua-dua subjek dapat dinyatakan dengan tepat mengikut konteks drama.

Contoh jawapan yang sederhana

(b) Apakah simbolik 'Tikar Mengkuang' dan 'Hampan Bulu' dalam drama ini? ^{maksud yang tersendiri} ^{hampan bulu ia mempunyai}

Tikar mengkuang digambarkan dengan orang miskin dan Hampan Bulu digambarkan dengan orang kaya. [2 markah]

Penyampaian jawapan calon kurang baik tetapi maksud yang terkandung dalam jawapan boleh diterima.

Contoh jawapan yang salah.

Berikan empat nilai murni dalam petikan di atas.

- (i) Kita mesti berani menghadapi rintangan.
(ii) Kita mesti menjaga kedaulatan negara dan ban
(iii) Kita harus berani menentang orang yang ambil hal
(iv) Kita tidak patut gentar dengan mereka
yang berkuasa besar. ~~mesy~~ [4 markah]

Calon menjawab dalam bentuk mesej.

Soalan 7

Soalannya ini jelas meminta respon calon terhadap petikan yang diberi. Gambaran masyarakat terpancar daripada perlakuan atau tindakan masyarakat yang dinyatakan oleh watak dalam petikan. Calon tidak perlu menguasai cerpen *Sahabat*. Jawapan tidak tepat kerana calon tidak mahir menganalisis petikan serta tidak faham maksud 'gambaran masyarakat'. Unsur gaya bahasa dan contohnya juga mudah dikesan dalam petikan. Kebanyakan calon menjawab dengan tepat. Namun begitu, terdapat juga calon yang memberikan unsur gaya bahasa yang tidak terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan soalan 7(a)

Contoh jawapan yang baik.

(a) Apakah gambaran masyarakat dalam petikan di atas?

- (i) Masyarakat yang merendah-rendahkan bangsa sendiri. ⁵

[1 markah]

- (ii) Masyarakat kampung yang saling membantu antara satu sama lain. ^{1 & 2}

Gambaran masyarakat yang dinyatakan tepat seperti yang terkandung di dalam petikan

Contoh jawapan yang sederhana.

(a) Apakah gambaran masyarakat dalam petikan di atas?

(i) masyarakat yang ^{se} sombong dan angkuh.

[1 markah]

(ii) Masyarakat yang tidak ada budi pekerti yang baik.

Dalam jawapan di atas, calon mengulangi gambaran masyarakat yang sama walaupun menggunakan ayat yang berbeza. *Tiada budi pekerti yang baik* sama ertinya dengan *sombong dan angkuh* dalam konteks petikan ini.

Contoh jawapan yang salah.

(a) Apakah gambaran masyarakat dalam petikan di atas?

(i) masyarakat yang tidak bersympati dengan nasib orang yang menimpa kesusahan.

Calon memberikan gambaran masyarakat yang tidak terdapat dalam petikan.

Contoh jawapan soalan 7(b)

Contoh jawapan yang baik.

(b) Berikan ^{atau} satu unsur gaya bahasa daripada petikan di atas dan sertakan contoh.

Sinkof: Contohnya: Kalau kebetulan tak ada garam berlarilah ke rumah tetangga minta pinjam setem-purung garam.

[2 markah] 10

Unsur gaya bahasa dan contoh yang diberikan jelas dan tepat.

Contoh jawapan yang salah.

(b) Berikan satu unsur gaya bahasa daripada petikan di atas dan sertakan contoh.

personifikasi Contohnya masyarakat yang melampau dan berlebih-lebihan.

(b) Berikan satu unsur gaya bahasa daripada petikan di atas dan sertakan contoh.

Anafora, mungkin sapukan.

Calon memberikan unsur gaya bahasa yang tidak terdapat dalam petikan.

Soalan 8

Soalannya jelas dan mudah difahami. Calon tidak perlu menguasai cerpen berkenaan tetapi sekadar memberi respon kepada petikan yang diberi. Ramai calon yang berjaya menyatakan persoalan dalam petikan dengan tepat. Kesilapan calon menyalin semula ayat-ayat yang mengandungi persoalan tanpa menukarkan perkataan kepada kata terbitan yang berbentuk persoalan.

Contoh jawapan yang baik.

Jelaskan dua persoalan dalam petikan di atas.

- (i) Kemusnahan akibat sikap tidak bertanggungjawab manusia menyebabkan haiwan kehilangan tempat kediaman. [2 markah]
- (ii) Keupusan fauna akibat aktiviti pemburuan haram. [2 markah]
Contoh: Bayi yang membunuh suara riang-riang rimba. [2 markah]

Persoalan yang diberi jelas dan tepat mengikut teknik menjawab persoalan.

Contoh jawapan yang sederhana.

Jelaskan dua persoalan dalam petikan di atas.

- (i) (Kemusnahan hutan) Anak rusa berredih keatas kemusnahan hutan yang turut meragut nyawa ayahnya. [2 markah]
- (ii) (Pencemaran bunyi) Keadaan hutan yang bisu telah membunuh suara riang penghuni rimba tersebut. [2 markah]

Jawapan yang diberi tidak menepati kehendak soalan tetapi calon lebih cenderung memberikan huraian. Terdapat kelemahan dari segi teknik menjawab.

Contoh jawapan yang salah.

Jelaskan dua persoalan dalam petikan di atas.

- (i) Turbangan bunyi pohon-pohon tumbang.
- (ii) Keadaan yang asri dan damai dan hiluk/samakin terkejut. [2 markah]

Calon hanya menyalin semula suasana atau keadaan yang digambarkan oleh pengarang tanpa menukarkannya dalam bentuk persoalan.

Soalan 9

Soalan ini juga berkehendakkan respon kepada petikan yang diberi. Kebanyakan calon yang menjawab dengan tepat hanya untuk teknik dialog berbanding teknik pemerian. Terdapat juga calon yang tidak dapat membezakan antara teknik penceritaan dengan teknik plot malah ada yang menjawab teknik suspen, teknik kejutan, dan teknik imbas kembali.

Contoh jawapan yang baik.

Nyatakan **dua** teknik penceritaan dalam petikan drama ini dan berikan contoh.

- (i) Teknik dialog & percampuran dua watak
atau lebih. Contohnya Ikram bertanya kepada Hasnah
mengapa Has meninggalkan majlis Jamuan
di Penarik Hilir bulan lepas?
[2 markah]
- (ii) Teknik pemerian. Contohnya angin laut
Selat Melaka mengembus lembut.
[2 markah]

Calon dapat menyatakan teknik penceritaan berserta contohnya dengan tepat.

Contoh jawapan yang sederhana.

Nyatakan **dua** teknik penceritaan dalam petikan drama ini dan berikan contoh.

- (i) Teknik imbas kembali. Contohnya, Ikram bertanya Hasnah mengapa dia
meninggalkan majlis jamuan di Penarik Hilir bulan lalu.
[2 markah]
- (ii) Teknik deskriptif. Contoh, Air jernih mengalir dari kelopak
matanya. Air mata itu direka lembut dengan sapu tangan.
[2 markah]

Hanya satu teknik penceritaan sahaja yang betul di dalam jawapan di atas.

Contoh jawapan yang salah.

Nyatakan **dua** teknik penceritaan dalam petikan drama ini dan berikan contoh.

(i) Suspense, Has mengisihkan diri seawaktu majlis di rumah
Haji Kodri.
[2 markah]

(ii) Kesedihan atau Fesayan, Air jernih mengalir dari
kelopak matanya.
[2 markah]

(iii) Kejutan
Kejutan, ~~Has~~ Has menerima berita buruk, iaitu
ayahnya meninggal dunia.

Calon memberikan teknik penceritaan yang tidak terdapat dalam petikan.

Soalan 10

Soalan ini jelas dan mudah difahami maksud tugasannya. Calon yang membaca biodata Ismail Kassan pada bahagian kulit belakang novel dapat menjawab dengan tepat. Calon-calun lain memberi jawapan yang tiada kaitan dengan penulis berkenaan.

Contoh jawapan yang baik.

10 Ismail Kassan ialah penulis novel Restu. Nyatakan **dua** sumbangan atau penglibatan lain beliau dalam bidang kesenian.

(i) Ismail Kassan juga telah menulis drama skrip dan
drama radio.
[2 markah]

(ii) ismail kassan juga telah bergiat dalam pentas, teater
dan dia juga telah menulis skrip teater.
[2 markah]

Jawapan calon tepat seperti yang terdapat dalam keterangan biodata pengarang pada bahagian kulit belakang novel Restu.

Bahagian Dua

Soalan 1(a)

Soalan ini merupakan soalan popular jika dibandingkan dengan soalan 2. Ramai calon mampu menjawab soalan dengan tepat bahagian ini. Malah terdapat banyak calon yang mendapat markah melebihi had maksimum. Namun begitu masih terdapat calon yang gagal menyatakan rima, bilangan perkataan dan sukukata yang tepat. Kekuatan calon ialah calon dapat menjawab dalam bentuk esei yang jelas, berserta huraian dan contoh, dan ada perbandingan bagi pecahan (a). Kelemahan calon pula ialah tidak menjawab dalam bentuk perbandingan terus.

Contoh jawapan yang baik.

(d) ~~Perma~~ perbandingan bentuk antara kedua-dua /
se puisi ialah (puisi A mempunyai satu rangkap¹) /
(manakala puisi B juga mempunyai satu rangkap¹) /
(puisi A mempunyai enam^{enam} baris⁵ ayat setiap /
rangkap manakala puisi B mempunyai dua lapan /
baris setiap rangkap.)^{3b 5b} /
(Rima atau akhir bagi puisi A ialah a,b,c, a, /
b, c) (manakala puisi B rima akhirnya akhirnya /
ialah a,b,c,d, a,b,c,d.)^{4b 4b} /
Bagai (puisi A tiga rangkap pertama /
ialah rambayang manakala tiga baris /
terakhir adalah maksud) (manakala puisi /
B empat baris pertama akhir rambayang /
dan empat baris terakhir adalah maksud.)^{2b 2b} /
(Puisi A mempunyai 4 4 empat hingga /
lima patah perkataan) (manakala puisi /
B mempunyai empat patah perkataan setiap /
baris.)^{3b} /

Jawapan calon didapati tepat dengan memasukkan ciri-ciri bentuk puisi yang merangkumi bilangan rangkap, baris, perkataan, rima dan pembayang maksud dan maksud. Perbandingan dibuat dengan jelas dan serentak.

Contoh jawapan yang sederhana.

(a) Bentuk bagi puisi A ialah jumlah baris setiap rangkap ada 2 baris. Pola rima akhirnya ialah abc abc. Jumlah perkataan tidak sama antara 4-5 patah perkataan. Contoh bagi jumlah bagi perkataan paling pendek ialah orang berbuah awak tidak. Contoh bagi jumlah perkataan yang panjang ialah Burung kedidi terbang ke hutan.

Bentuk bagi puisi B ialah jumlah baris setiap rangkap 8 baris. Pola rima akhirnya ialah abcd abcd. Jumlah perkataan sama iaitu 4 patah perkataan. Contohnya, sejak berbunga daun pandan.

Calon tidak membuat perbandingan secara terus, sebaliknya secara terpisah. Jawapan ini masih diterima kerana terdapat persamaan aspek yang dibincangkan mengikut urutan dalam jawapan. Isinya tidak mencukupi dan terdapat tiga ciri sahaja yang dimasukkan iaitu bilangan baris, jumlah perkataan dan rima.

Contoh jawapan yang salah.

a) Kandungan bentuk bagi puisi tradisional dan Prasa klasik adalah berbentuk nasihat. Rima akhir bagi puisi tradisional ialah merapatkan rima akhir yang bebas. Contohnya ialah "n, n, k, n, a, k" tetapi rima akhir bagi Prasa klasik adalah "n, g, a, k, n, g, a, k" maksudnya rima akhir bagi prasa ini juga adalah bebas. Dalam puisi tradisional vokal a diulang sebanyak tujuh kali. Contoh barisnya ialah "Jangan menjadi rambutan tentera".

manakala dalam prosa klasik vocal a diulang sebanyak
 5 kali dalam baris ini sejak bertunga daun
 Pandan. Dalam puisi tradisional konsonan "B" diulang
 sebanyak dua kali contohnya "Orang berbuah awak
 tidak". Dalam prosa klasik pula konsonan "B" diulang
 sebanyak 2 kali juga. Contoh barisnya ialah "Banyak
 Bahaya yang menimpa" ini merupakan perbandingan
 bentuk bagi puisi tradisional dan Prosa Klasik.

Jawapan di atas menunjukkan calon tidak memahami bentuk puisi. Calon menggunakan huruf akhir dalam baris sajak sebagai contoh rima akhir. Calon juga memasukkan unsur asonansi dan aliterasi sebagai ciri bentuk puisi.

Soalan 1(b)

Ramai calon yang gagal memberi maksud yang tepat bagi kedua-dua puisi. Mereka lebih cenderung menyatakan maksud dalam bentuk mesej.

Contoh jawapan yang baik:

(b) Maksud bagi puisi A ialah ~~raiah~~ ^{raiah}
 Rayair menyindir kepada orang malas //
 berusaha untuk melaburkan sesuatu //
 Orang yang malas sentiasa ~~berusaha~~ ^{mengharapkan} //
 sesuatu kepada orang lain //
 (Mereka seperti ini akan mengikut ^{S2} pantat
 orang lain) ² (tetapi hasilnya diri sendiri
 akan rugi dan tidak memperolehi apa-apa) ^{S3} //
 Maksud puisi B ialah ^{sajak} rayair berjumpa
 dengan orang istimewa (dia sentiasa ditimpa
 malang.) ² ^{S2} //

(walaupun banyak halangan yang menimpa) ² ³
 tetapi (perasaan kasih kepada orang
 itu yang disayangi tidak akan akan
 - berubah) ⁴ ⁵
 pene penejar juga mengatakan walaupun
 dia sentiasa ditimpa malang namun
 dia tidak akan akan berganjat
 dengan keputusannya.

Maksud puisi diberikan dengan tepat mengikut konteks puisi yang disoal.

Contoh jawapan yang sederhana

Maksud pantun dalam puisi A ialah orang yang merantau ditempat
 orang dan hanya mengikut keluan sendiri. Melakukan kesalahan di
 tempat orang sehingga menimpa rayat jata. (ingin mengikut jejak
 dan langkah orang) tetapi orang lain berjaya dan anda tidak berjaya. ^{2/2} ^{2/2}

Pantun dalam puisi B bermaksud apabila seseorang itu mencapai
 hambat untuk hidup senang dengan usaha yang dilakukan maka
~~kat~~ ramailah menumpang kerendahan yang dimiliki. Penuh dengan
 kegembiraan ketika senang yang ingin ditumpang tetapi apabila
 seorang itu telah mula memerasatkan makin banyak masalah yang
 ditimpa sehingga kekurangan kewangan dan tidak sempat pun
 yang memperluaskan orang itu ketika susah.

4
4

Hyf = CS

Maksud bagi Puisi B menyimpang jauh daripada maksud asal.

Contoh jawapan yang salah

b) Pulsi A

→ Jadilah diri sendiri dan jangan menjadi orang yang sia-sia. Orang yang tidak mendatangkan hasil dalam kehidupan. Ia akan merugikan masa seseorang itu. Jadi seorang yang dihormati, disanjung, rajin, dan berusaha untuk kesenangan di masa hadapan.

Pulsi B

→ Dalam kehidupan ini, kita perlu berhati-hati. Kita bukannya akan senang sentiasa kita akan selalu dilimpa malang dan bahaya. Dan seseorang itu hendaklah setia dan kasih pada teman.

Calon menjawab dalam bentuk mesej.

Soalan 2(a)

Soalan ini tidak popular. Calon yang pernah mempelajari ciri-ciri penglipur lara dan yang membaca teks sahaja yang berusaha menjawab dengan baik bagi pecahan soalan ini tetapi bilangannya tidak ramai. Kebanyakan calon yang cuba menjawab gagal memberi contoh berdasarkan cerita yang disoal dan terdapat calon yang tersilap cerita.

Contoh jawapan yang baik.

9) Ciri-ciri penjahat Jawapan baik 22151-2(a)-01 1919 14908 terdapat dalam cerita jika pegawai seseorang ialah cerita ini berkaitan (tentang golongan raja). Contohnya (Melim) Sultan Alim, Melim Sultan dan Melim mempunyai beberapa sendiri. Selain itu (keturunan raja mempunyai beberapa) jika dibandingkan dengan rakyat biasa.

Pukhina (semasa kelahiran pingat Peribut berlatar
 (18)
 hujung besar - filial seket - menyatukan dan sebagai pingat
 Peribut dilahirkan pada tahun - tahun perah - perah
 galepa - galepa patah).
 Selain itu, cerita ini juga berkisahan tentang
 peribut yang (19) cerita yang peribut
 antara pingat Peribut (20) cerita yang peribut
 Selain itu, cerita ini juga mempunyai (21) cerita
 peribut yang (22) cerita yang peribut
 bersama juga cerita yang peribut (23) cerita
 mengenai peribut yang dilahirkan peribut (24)
 Selain itu, cerita ini juga peribut yang peribut
 antara dan bukan mengenai, cerita yang peribut
 peribut yang peribut dengan peribut (25)
 peribut (26)

Calon dapat menyatakan ciri-ciri cerita lipur lara dan contoh yang tepat berdasarkan teks. Penyampaian jawapan tersusun dan bahasanya jelas.

Contoh jawapan yang sederhana.

a) Ciri-ciri cerita lipur lara yang terdapat dalam cerita ini
 ialah terdiri daripada golongan bangsawan contoh Datuk Malim
 Hitam. Selain itu, terdiri daripada golongan istana contoh Malim
 Selatman, Malim Selatman Alam dan Malim Bongru Terdiri daripada
 watak manusia dan bukan manusia contoh Puteri Bongru Pingat
 Peribut dan ayahnya (Mempunyai kerakian) contoh Puteri Bongru Pingat

(15%)
Peribut dapat meluaskan sekawah nari dan gulai lekor kerbau.
Memunyai ketelanjangan contoh remaja kelahiran Bangsa Pinang Peribut
telah berlaku keganjilan. Perlagaan contoh ~~ketelanjangan~~ Bangsa Pinang Peribut
telah pergi berlaga di Bukit Siguntang.

Jawapan disampaikan dengan teknik yang betul tetapi isinya bercampur aduk dengan bukan ciri cerita lipur lara.

Contoh jawapan yang salah.

Ciri-ciri cerita lipur lara yang terdapat dalam cerita Tiga
Negeri Semawar ialah nama-nama watak contohnya Malim Sulaiman,
Malim Sulongkar Alam, Malim Bangsa. Pembukaan Negeri contohnya
negeri semawar kanan, negeri semawar kiri dan negeri semawar
tengah. Latar tempat yang menarik contohnya di bukit Siguntang.
Latar Masyarakat yang pelbagai contohnya masyarakat yang
Zalim contohnya Raja Pedurai telah menculik putri Rantai Mas,
Masyarakat yang prihatin atau bertanggungjawab contohnya
Bangsa Pinang Peribut menyelamatkan putri Rantai Mas. Alat-
alatan yang digunakan contohnya: keris, panjara besi. Selain itu
juga cerita lipur lara juga memaparkan pelbagai bangsa
contohnya bangsa Melayu, bangsa Kayangan. Hubungan
kekeluargaan contohnya Datuk Malim Hitam dan anak-anaknya
salinny menyayangi.

Teknik penyampaian jawapan, betul tetapi tiada ciri cerita lipur lara yang dikemukakan.

Soalan 2(b)

Calon yang cuba menjawab adalah calon yang membaca cerita berkenaan kerana tugas soalannya berkehendakan calon menyatakan sifat Bongsu Pinang Peribut beserta contohnya. Tidak ramai calon yang memperoleh markah yang tinggi dan terdapat calon yang tidak dapat membezakan antara 'watak' dan 'perwatakan'.

Contoh jawapan yang baik:

Perwatakan Bongsu Pinang Peribut adalah seorang yang penyayang. Contohnya, dia menyayangi ibunya, Puteri Suci Ganda dan sebagainya.

(Bongsu Pinang Peribut seorang yang muktah beraah wali) Contohnya, dia terserahi wali dengan kata-kata kandanya dan membawa diri ke pergi bertapa di Bukit Siguntang.)

(Bongsu Pinang Peribut seorang yang pemarah) Contohnya, dia mengarah apabila marah atau kebendanya.

(Bongsu Pinang Peribut seorang yang berani) Contohnya, dia berani menentang Raja Bakren yang mendidik Puteri Perma Rantai Mar.)

Bongsu Pinang Peribut seorang yang kuat makan. Contoh dia makan sekawan nasi dan golok set seker karkay seorang diri.

Bongsu Pinang Peribut seorang yang mempunyai kesetiaan. Contohnya, dia telah menanggung sebarang petak besar untuk di jalikan kapal untuk Puteri Suci Ganda. ||

Calon dapat menyatakan perwatakan Bongsu Pinang Peribut dengan tepat beserta dengan contohnya. Jawapan disampaikan dengan teknik yang baik.

Contoh jawapan yang sederhana.

1) (Perwatakan Bongsu Pinang peribut ialah beliau seorang yang berani.) Ini dapat dibuktikan melalui keberaniannya (keberaniannya mengambil mata ~~selengkap atau daripada jin dan~~ Malim Sulaiman daripada jin sewaktu Malim Sulaiman dihempap pokok dan mati.) Bongsu P

(Bongsu Pinang Peribut juga seorang yang emosional) ¹⁵ ini //
dapat dibuktikan melalui sikapnya yang mudah merajuk dan tersentuh
hati kerana dimarahi oleh Maharaja Tengah Sinaran Pinding sewaktu
Bongsu Pinang Peribut meracau dan merosakkan harta benda serta
perhiasan istana. akibatnya Bongsu Pinang Peribut membawa diri
dan bertapa di Bukit Siguntang. ¹⁵ //

Taat kepada ibu bapa. Ini dapat dibuktikan melalui
kesanggupan Bongsu Pinang Peribut ditundukkan dengan puteri Sulu
Ganda. Bongsu Pinang Peribut juga seorang sula tolong-mencolong.
Ini dapat dibuktikan ~~ketika~~ ketika beliau turut serta membantu
malim Bongsu mencari buluh dan kayu kayan untuk dibuat
kapal untuk Puteri Sulu Ganda.

(Hendak Bongsu Pinang Peribut seorang kemul berteling serta
bijak. Ini dapat dibuktikan ~~ketika~~ ketika ketidadaan belian Raja
Bedurai ~~selepas~~ selepas mengambil peluang ini untuk menyerang Semau Kiri.
ini kerana Raja Bedurai Bedurai takut dan gentar terhadap
Bongsu Pinang Peribut kerana kemuldanannya berteling. ¹⁶ //

⇒ (Bongsu Pinang Peribut juga seorang yang bertanggungjawab). ¹⁵ //
(Ini dapat dibuktikan melalui ~~sikap~~ sikapnya yang ~~menunjukkan~~
~~menunjukkan~~ menunjukkan tekadnya untuk Puteri Sulu Ganda sewaktu
Puteri Sulu Ganda meracau dan mengancam di dalam istana. ¹⁶ //
Bongsu Pinang Peribut juga bertanggungjawab menyelamatkan sepenuhnya
yaitu Puteri Bantari dan Ayu daripada Raja Bedurai yang kejam itu.

Teknik penyampaian jawapan baik tetapi isi yang dikemukakan terhad kepada sifat berani, emosional dan bertanggungjawab sahaja.

Soalan 3(a)

Soalan ini merupakan soalan popular. Ramai calon yang menyatakan nada dan huraiananya dengan tepat. Namun begitu terdapat juga calon yang memberikan lebih daripada satu nada. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah.

Contoh jawapan yang baik.

a) Nada sajak diatas ialah patriotik kerana nada ini
mampu memaparkan semangat juang seorang pejuang
menentang penjajah.

Jawapan calon lengkap dengan nada dan contohnya.

Contoh jawapan yang sederhana.

a) Nada sajak diatas bernada patriotik, sedih, berani dan kuat.

Calon hanya menjawab nada tanpa huraiananya.

Contoh jawapan yang salah.

a) nada sajak
Nada sajak tersebut ialah nada lantang dan semangat
kerana mengingatkan pejuang yang menentang penjajah
pada masa dulu.

Nada yang diberi salah.

Soalan 3(b)

Jawapan soalan ini terdapat dalam sajak. Calon yang memahami maksud sajak dapat menghuraikannya dengan tepat. Namun begitu terdapat juga calon yang tidak menjawab 'siapakah' tetapi menjawab watak Dol Said. Sungguhpun pendekatan jawapannya berbeza, sesetengahnya jawapan dapat diterima.

Contoh jawapan yang baik.

(Dol said adalah seorang pejuang yang menentang pemerintahan penjajah) Dol said adalah seorang pahlawan di Naning. (Sehingga kini nama beliau sentiasa dikenang) walaupun dirinya telah hilang dan han baktannya hancur ditanggung tanah. (Dol said rela berkorban nyawa, harta) demi menegakkan negara yang dicintai dan negara yang disanjung. Dol said berjuang bersama-sama pahlawan dan penduduk untuk mencapai kemerdekaan di tanah air sendiri. Dol said menentang penjajah sehingga ke hilisan darah yang terakhi di medan perjuangan dan (kini nama beliau sentiasa disanjung) dengan keberanian, kesabaran, pengorbanan dan (semangat yang tinggi untuk mencapai kemerdekaan). Dengan semangat yang tinggi namanya sentiasa dikenang sehingga kini oleh masyarakat.

Calon dapat mengemukakan jawapan yang tepat tentang Dol Said seperti yang digambarkan dalam sajak. Calon memperoleh markah penuh.

Contoh jawapan yang sederhana.

Dol said ialah seorang pahlawan yang berjuang habis-habisan untuk menentang penjajah. Dol said menentang penjajah kerana kezaliman mereka terhadap penduduk Tanah Melayu. Pihak penjajah yang menindas penduduk Tanah Melayu seperti mendakan cukai dan sebagainya turut mengundang kemarahan.

Jawapan sederhana
22151-3(b)-02

Dol Said ketika itu. Dol Said mengambil keputusan untuk menentang penjajah dan akhirnya, Dol Said tewas di tangan mereka dan mayatnya dijunjung, mengelilingi Harling.

Jawapan calon masih tepat tetapi hanya mengemukakan tiga isi dan terdapat juga isi yang berulang.

Contoh jawapan yang salah.

(b) Dol Said adalah seorang penyajak dan telah melancarkan bualan yang tersendiri kepada orang ramai dan telah memenuhi kehendak orang lain yang meminatinya.

Jawapan calon langsung tidak berkaitan dengan watak Dol Said dalam sajak.

Soalan 3 (c)

Ramai calon yang mampu menjawab soalan ini dengan baik dengan memberikan sikap penyajak beserta contohnya. Namun begitu terdapat calon yang memberikan beberapa pernyataan sikap yang membawa makna yang sama. Contohnya simpati, sedih, kesal, dan terharu. Terdapat juga calon yang memberikan pernyataan sikap yang bukan daripada sikap penyajak tetapi penyajak meminta orang lain atau pembaca supaya mempunyai sikap tertentu. Calon juga menjawab dalam bentuk *point* atau nota.

Contoh jawapan yang baik

(Sikap penyajak adalah marah terhadap pentajah - pentajah yang menentang menjarah tanah air.) Selain itu, (penyajak berasa sedih dengan pemerhatian perjuang Dol Said yang berani menentang musuh.)³ Sehingga beliau tumpas di medan perijmangan.⁸ (Penyajak juga mempunyai semangat cinta tanah air.)⁸ Kerana penyajak berasa terewa dengan kedatangan pentajah dahulu. (Penyajak menyo menyuruh supaya

masyarakat lain bangun untuk bersama-sama
 untuk menyanjung-i perwira yang telah banyak
 berjasa) terhadap negara, agama dan bangsa
 dan butannya hanya untuk kepentingan diri-
 sendiri. Penyajak mempunyai kekuatan iman dan
 agama kerana (dia berda agar pemegetan Dal
 Said sentira dalam ~~sa~~ kerahmatan) Dengan itu,
 (penyajak juga berterima kasih kepada pejuang)
 yang disanjungnya telah memerdekakan dan
 rela berjuang dan berkorban nyawa demi
 negara, agama dan kedaulatan yang tercinta.
 Demikian itu, (penyajak mengtaqumi kemerdekaan
 yang dikecapi sehingga setarany namun nama
 pejuang yang memerdekakannya dia tidak alpa) 2

Calon dapat mengemukakan sikap penyajak dengan tepat seperti yang digambarkan dalam sajak. Penyampaian jawapan juga baik dan calon telah mendapat markah penuh.

Contoh jawapan yang sederhana.

a) (Penyajak berasa bangga kerana mempunyai seorang Pahlawan
 yang sanggup mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan
 tanah air daripada dijajah oleh pihak British) Penyajak juga 2
 berasa berapi untuk menayakan keberanian (penyajak juga berasa
 sedih kerana kehilangan seorang Pahlawan yang pernah berjasa
 untuk mempertahankan tanah air daripada dijajah.) 2

Jawapan calon tepat tetapi terhad kepada dua isi sahaja iaitu sikap bangga dan sedih.

Contoh jawapan yang salah.

c) sikap penyajak ialah ingin
menonjolkan sajak yang ada kaitan dengan
pahlawan.
Mahu kita mengingati pahlawan
dan pejuang tanah air.
ingin kita menghayati pengorbanan
pahlawan.
ingin kita mengingati pahlawan
dal said yang mempertahankan bangsa.
Mahu kita tanamkan rasa cinta
pada diri dan bangsa.
mahu supaya kita jangan
memp membiarkan penceroboh menceroboh
tanah air.
mahu kita tahu bahawa dal
said merupakan pahlawan naniing.
penyajak mahu kita ingat akan
perjuangan orang dahulu yang banyak
berjasa pada negara.
penyajak mahu kita jangan
lupa asal-usul kita dan membiarkan negara
atau tanah air diambil oleh orang lain.

Calon tidak menyatakan sikap penyajak sebaliknya mengajak pembaca untuk mengamalkan sikap tertentu. Contohnya, mengajak pembaca mengingati jasa pahlawan dan pejuang tanah air. Sepatutnya dinyatakan bahawa penyajak itu sendiri yang mengingati pahlawan tersebut.

Soalan 4(a)

Soalan ini tidak popular. Calon yang membaca cerita dan mempelajari persoalan dan citra masyarakat dapat memberikan jawapan yang baik. Jawapan yang diberikan oleh calon, walaupun tidak setepat skema jawapan tetapi dapat membawa maksud yang hampir sama. Jawapan yang baik mengandungi set yang lengkap iaitu pernyataan persoalan dan huraian atau contohnya. Terdapat calon yang memberi pernyataan persoalan yang tepat tetapi contoh yang salah. Kelemahan calon juga kerana memberi jawapan yang berulang-ulang dan tidak mampu membezakan antara contoh dan fakta.

Contoh jawapan yang baik

(a) Persoalan-persoalan yang terdapat dalam drama Tun Seri Lanang ialah (mementingkan ilmu pengetahuan) contohnya (Tun Seri Lanang sangat mementingkan ilmu pengetahuan daripada hal-hal yang lain). Selain itu terdapat juga (persoalan kegigihan) yang terdapat dalam drama ini contohnya (Tun Seri Lanang gigih untuk mengubah buku undang-undang yang disuruh oleh sultan). Terdapat juga persoalan (menghormati pemerintah) contohnya (Tun Seri Lanang menghormati Sultan Abdullah yang merupakan seorang pemerintah.) (Amanah) contohnya (Tun Seri Lanang dengan amanahnya beliau telah menyiapkan amanah yang diberikan oleh sultan). Selain daripada itu (kasih sayang) contohnya Tun Seri Lanang sangat sayangkan kepada anak-anaknya. (Menghormati orang) tua (contohnya Tun Anum dan Tun Jenal menghormati Tun Seri Lanang dan isterinya.)

Teknik penyampaian jawapan amat baik, iaitu mengandungi fakta dan diikuti oleh contoh. Jawapannya tepat dan padat. Jawapan ini memperoleh markah maksimum.

Contoh jawapan yang sederhana.

a) Beberapa persoalan telah timbul dalam drama Tun Seri Lanang yang berpegang kepada Snaron Husan antaranya ialah (Ketaatan) (Ketaatan merupakan persoalan utama bagi watak Tun Seri Lanang untuk menulis Hikayat yang telah ditandatangani oleh Raja Abdullah. ³

Keinginan Taat setia Tun Seri Lanang terhadap rajanya telah menimbulkan perasaan semangat yang tinggi untuk menulis Hikayat Melayu Melaka. ⁴

Selanjutnya, keinsafan merupakan persoalan yang timbul terhadap diri Maharaja Singapura yang telah membunuh Tun Jera ketika. Setelah itu juga hikayat yang ia ingin diwujudkan juga dapat memberi keinsafan terhadap raja-raja Melayu. ¹

(Persoalan terhadap nilai kasih sayang ~~terhadap~~ juga telah timbul) (Ini kerana sebagai orang yang bertanggungjawab menyiapkan hikayat ini, Tun Seri Lanang tidak mengabaikan anak dan isterinya walaupun dia mempunyai anak dua orang anak yang bernama Tun Anun dan Tun Jerap) ¹

Teknik penyampaian jawapan masih baik, tetapi isinya terhad kepada persoalan 'ketaatan' dan 'kasih sayang' serta terdapat isi yang berulang.

Soalan 4(b)

Terdapat sebilangan calon yang menjawab dengan baik dengan memberikan pernyataan citra masyarakat dan contohnya. Calon-calon lain masih memahami istilah 'citra masyarakat' tetapi jawapan yang diberi bercampur aduk antara fakta yang betul dengan yang salah. Kelemahan calon ialah jawapan dalam bahagian (a) diulang semula dalam bahagian (b). Jawapan juga dibuat dalam bentuk *point*.

Contoh jawapan yang baik.

(b) Citra masyarakat yang terdapat dalam drama Tun Sri Lanang ialah masyarakat yang mementingkan ilmu. Contohnya (Tun Sri Lanang mementingkan ilmu daripada hal-hal yang lain). Masyarakat yang pegang pada amanah. Contohnya (Tun Sri Lanang memegang amanah yang diberikan oleh sultan). Masyarakat yang menghormati kepada pemerintah. Contohnya (Tun Sri Lanang dan rakyat jelata meng berkumpul dan menyembah apabila gong diraja dipalukan). Selain itu terdapat juga masyarakat (patuh pada adat istiadat). Contohnya rakyat jelata mematuhi pada adat resam yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka terdahulu). Masyarakat yang (menghormati orang tua). Contohnya Tun Sri Lanang memarahi Tun Anum dan Tun Jenal kerana bercakap dihadapan Sultan kerana dianggap bradap). Terdapat juga masyarakat yang saling nasihat-menasihati. Contohnya Tun Sri Lanang sentiasa menasihati anak-anaknya supaya tidak melakukan perkara yang tidak baik apabila dipandang orang.

Penyampaian jawapan amat baik. Setiap fakta disusuli dengan contoh yang tepat dan padat.

Contoh jawapan yang sederhana.

b) Citra Masyarakat dalam drama Tun Sri Lanang ialah
(Masyarakat yang tidak menentengkan diri sendiri.)^{13 XIII}
(Masyarakat yang berusaha untuk melakukan sesuatu
keatas tuju yang diperuntukkan.)^{XI} Citra Masyarakat ini //
juga Melibatkan kemakmuran dalam mengusahakan
kemakmuran) negara) citra (Masyarakat ini juga mempunyai keraja-
larian) (yang terdiri daripada pembayar, buruhawan dan
pajak) Kemakmuran daripada negara juga adalah disebabkan
keperhatian pembayar kepada rakyat. Masyarakat yang
mengikut kata pembayar serta patuh kepada arahan yang
diberikan untuk kemakmuran bersama. Citra Masyarakat
yang mempunyai berperasaan perlembutan.

Calon hanya mengemukakan fakta (citra masyarakat) tanpa contoh dan terdapat isi yang berulang.

Soalan 5(a)

Soalan ini tidak popular, berkemungkinan calon tidak membaca teks atau soalan pilihan nombor 6 lebih mudah dijawab. Calon yang menjawab kebanyakannya memberi jawapan yang tepat. Unsur-unsur kepercayaan masyarakat Cina diceritakan dengan jelas dalam cerpen. Calon yang membaca berupaya memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun terdapat calon yang menyatakan unsur kepercayaan di luar konteks cerpen. Jawapan sebegini memberi gambaran bahawa calon tidak membaca dan menguasai teks.

Contoh jawapan yang baik.

5(a) Unsur kepercayaan turun menurut masyarakat Cina ialah jilalau (seseorang itu menentang duit syiling di dalam air yang mempunyai pelok teratai. (Jilalau duit itu jatuh di atas bunga seseorang itu mempunyai nasib yg sangat baik.)) ; (Jilalau duit syiling itu jatuh pada daun seseorang itu mempunyai nasib tidak beberapa baik.) ; (Jilalau duit syiling itu jatuh ke dalam air seseorang itu mempunyai nasib yang sangat buruk.)

Jawapan calon tepat seperti yang diceritakan dalam cerpen. Jawapan ini memperoleh markah maksimum.

Contoh jawapan yang sederhana.

(a) Kepercayaan karut masyarakat Cina ialah melempar duit syiling dalam kolam yang ada bunga. (jikalau duit syiling yang dilemparkan jatuh di atas bunga bermakna nasib seseorang itu sangat baik) ; (jika duit syiling itu jatuh ke atas daun maka nasib agak baik) ; (jika duit syiling yang dilemparkan jatuh ke dalam air ini bermakna nasib seseorang itu buruk.)

Jawapan calon masih tepat tetapi isinya terhad kepada dua aspek sahaja.

Soalan 5(b)

Kebanyakan calon memberi jawapan yang tepat tetapi hanya mampu memberi satu atau dua unsur sahaja. Kebanyakan jawapan hanya berdasarkan pengetahuan calon semata-mata dan bukan daripada apa-apa yang terdapat dalam cerita.

Tidak terdapat jawapan yang mencapai tahap baik.

Contoh jawapan yang sederhana.

5 (b) Unsur-unsur sejarah yg terdapat dalam cerpen Chen Xiaoli ialah (Tembok Besar China) yang merupakan benteng pertahanan China pada waktu dahulu. Selain itu unsur sejarah kedatangan Islam terdapat (Masjid Hua Kheng) di Beijing China.

Calon hanya mengemukakan dua unsur sejarah iaitu Tembok Besar Negeri China dan Masjid Hua Kheng.

Soalan 5(c)

Kebanyakan calon yang menjawab tidak memenuhi tugas soal. Mereka mungkin keliru dengan soalan yang dikemukakan. Calon hanya menulis cadangan kesudahan cerita ini dalam bentuk biasa bukan dalam bentuk cerpen. Walaupun begitu terdapat juga calon yang dapat menulis kesudahan cerita ini dalam bentuk cerpen yang kreatif dan menarik.

Contoh jawapan yang baik.

(c) Saat Chen Xiaoli pergi Jawapan baik
22151-5(c)-01 Ying telah melawatnya. Setelahnya di sana Chen Xiaoli telah pulih dan memanggil namanya. Pada ketika itulah dia sangat bersedih kerana Chen Xiaoli telah perasaan semula selepas menyebut "aku sayangkan ayah". Chen Xiaoli telah dibawa ke hospital. Dia berasa sangat panik apabila Chen Xiaoli perasaan semula. Dia menunggu keputusan dari doktor tentang kesihatan Chen. Doktor pun keluar dari wad kecemasan dan mengatakan yang Chen telah mendapat sejenis penyakit iaitu kawah otak. Chen telah lama menahidap penyakit dan oleh sebab itu dia terpaksa dibedahi. Dia berkata "boleh saya berjumpa dengan Chen" "Tidak, dia sedang dalam keadaan lemah sekarang." kata

Soalan 6(a) + (b)

Soalan ini sangat popular. Soalnya jelas dan mudah difahami. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik dan terdapat banyak pilihan jawapan malah ada yang mendapat markah penuh. Kesilapan yang dilakukan calon ialah tidak menyusun jawapan dengan baik. Susunan jawapan yang baik mengandungi fakta atau isi, kemudian disertakan dengan contoh atau huraian. Kelemahan calon ialah jawapan berulang-ulang dengan fakta yang sama tetapi contoh berbeza. Jawapan ditulis dalam bentuk yang agak panjang dan ada juga yang memberikan sinopsis cerita atau watak.

Contoh jawapan soalan 6(a)

Contoh jawapan yang baik (i)

6.a) Be unsur kegigihan yang ada dalam novel resu
karya ismail kassan ~~ada~~ ialah semangat keluarga
ikram yang berhijrah daripada Singapura ke jahar
dan memulakan hidup baru mereka ^{dengan berusaha} ~~kernakerna dengan~~
gigih untuk membuat kebun dan memulau tanah
untuk pertanian untuk ^{menyara} ~~menyara~~ keluarga. ^{untuk} ~~mereka~~
hidup selesa. selain ~~itu~~ (watak yazid juga
menunjukkan kegigihan iaitu dengan berhenti
sekolah dan menjadi ketua keluarga ^{selepas kematian bapanya} dengan
menyara keluarga mereka dengan berusaha
gigih menanam nanas untuk dijual dan menaruh
getah untuk menampung keluarga) selain itu
terdapat unsur kegigihan meneruskan hidup
contoh (uram dan adiknya kamal terpaksa
meneruskan hidup ^{berdua} dengan mengusahakan tanaman
/ kebun keluarganya apabila ibunya berkahwin
lain) dan meninggalkan mereka untuk tinggal
bersama suami ibunya. selain ^{itu} terdapat unsur
(kegigihan dalam menuntut ilmu) contohnya (uram

qiqih menuntut ilmu walaupun keluarga miskin
untuk menyara persekolahannya. dgn usaha qiqih
sukon. sukon berjaya dalam persekolahannya

Contoh jawapan yang baik (ii)

dan dipilih sebagai pelajar terbaik di sekolah-
nya) selain itu juga ada unsur (keqiqihan dalam
melakukan pekerjaan) contoh (sukon qiqih me-
mujuk Ivan tanah lagi meneruskan projek
tal: air di kampung penarik hilir walaupun
dia mendapat pelbagai halangan) selain itu
terdapat unsur ~~yang menunjukkan~~ (keqiqihan
sukon mempertahankan tanah keluarganya) contoh-
nya (semasa undian untuk mencalonkan undi untuk
mendapatkan hak milik tanah keluarganya sukon
tidak berjaya akhirnya tanahnya diserahkan ke-
pada rozali) dan sukon berusaha memujuk rozali
dgn qiqih utk menyerahkan tanahnya tetapi tidak
berjaya dilakukan. Qiqih meneruskan hidup dan
cita-cita. contohnya walaupun tanahnya diambil
rozali tetapi sukon tidak berputus asa dia mene-
ruskan hidupnya dgn berpindah ke bandar baru,
dia bekerja sebagai kelajar untuk menampung
kehidupannya dan adunnya (Berkat usaha dan

kegigihannya akhirnya kron berjaya dalam
pelajaran dan pada peringkat: penolong pengawas
doctroh. atau A.D.O)

Jawapan calon tepat dan padat. Setiap fakta disertakan dengan contoh. Isinya cukup untuk memperoleh markah yang tinggi.

Contoh jawapan yang sederhana.

a) unsur kegigihan dalam novel Restu ialah (kegigihan ibu Ikram menyara
keluarga) dengan memajak ladang dan merumpuk di ladang Tan Beng Chai.
(kegigihan mempertahankan harta pusaka yaitu Yazid dan Pat usop dan
orang kampung bermesyuarat untuk menyelesaikan atau mempertahankan
harta pusaka atau tanah yang mereka usahakan Yazid dan Ikram
berusaha mempertahankan harta pusaka peninggalan arwah ayahnya.
(kegigihan Yazid sebagai ketua keluarga setelah kematian ayahnya yaitu
Yazid telah berhenti seketika ketika tingkatan tiga untuk menolong ibunya
menoreh getah dan menyara adik-adiknya bersekolah). (kegigihan
Ikram menjaga adiknya kamal. Ikram sanggup melarikan diri
daripada hospital walaupun dia masih sakit semata-mata bimbang
terhadap adiknya kamal yang tidak tinggal seorang diri). (kegigihan
Ikram belajar yaitu Ikram pergi ke sekolah dengan baju yang lusuh dan
tanpa wang semata-mata untuk menimba ilmu. kegigihan Ikram menjaga
adiknya kamal dan bekerja untuk menyara hidupnya yaitu kamal dan Ikram
mengusahakan kebun nanas. kegigihan Ikram menimba ilmu dan belajar
yaitu menjelang dua minggu peperiksaan SPM Ikram menggalas beg dan
tinggal di surau buruk dan berjalan kaki ke sekolah untuk menduduki
peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan akhirnya Ikram menjadi pelajar
terbaik di sekolah dalam peperiksaan SPM.

Jawapan calon hanya berbentuk huraian tanpa fakta kecuali, fakta 'kegigihan mempertahankan harta pusaka'.

Contoh jawapan soalan 6(b)

Contoh jawapan yang baik (i).

Dalam novel 'Restu' karya Ismail Kassan ada menceritakan tentang unsur kasih sayang. Di antaranya, kasih sayang antara keluarga Ikrom. Sebagai contohnya, keluarga Ikrom saling sayang menyayangi antara satu sama lain.

Bukan itu saja, unsur kasih sayang juga terjalin dalam keluarga Pak Usop. Sebagai contohnya, Pak Usop^x begitu menyayangi Ikrom dan adiknya Kamal dan menganggap mereka berdua sebagai anaknya.)

Selain itu, kasih sayang juga wujud didalam watak utama iaitu Ikrom. Sebagai contohnya, Ikrom amat menyayangi keluarganya terutama kepada ibunya) dan (dia tidak mahu ibunya bersedih dan dia berazam ingin bekerja bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarganya.)

Bukan itu saja, malah unsur kasih sayang juga terdapat pada watak sampingan iaitu Yazid. Contohnya, (Yazid^{xxii} sanggup berhenti sekolah, kerana ingin menyara keluarganya dan ingin melihat adit-aditnya ke sekolah seperti orang lain.)

Selain itu, (Ikrom amat menyayangi^{xi} kebun ayahnya) dan amat menyayangi ayahnya. Sebagai contohnya, ketika undian untuk mendapatkan tanah hak babatunya telah memihak kepada Romli. Dan menyebabkan dia begitu sedih dan^{terasa} amat~~amat~~ amat

Contoh jawapan yang baik (ii).

kehilangan sesuatu yang disayangnya.)^{xii} Kerana tanah itu telah diucuhkan dan diterjekan oleh mereka sekeluarga dengan tulang empat kerat.

Bukan itu saja, unsur kasih sayang antara Jalil dan Isterinya juga dipaparkan dalam novel ini.

Selain itu, unsur kasih sayang yang terjalin antara Ikrom dan Hasnah. Sebagai contohnya, kasih sayang Ikrom dan Hasnah wujud sejak dibangku sekolah lagi) tetapi masing-masing tidak meluahkan perasaan. Selain itu, ketika ibu Ikrom melarangnya mengadakan sebarang hubungan dengan keluarga Pak Leman, Ikrom mengahmi konflik batin dan takut sekiranya dia tidak dapat berjumpa dengan Hasnah.

Bukan itu saja, (unsur kasih sayang wujud diantara Ibu Ikrom dengan Zaleha) di Makkah. (Contohnya Ibu^{xiii} Ikrom begitu menyayangi Zaleha, kerana Zaleha seorang yang bersopan santun, berbudai bahasa dan menghormati orang tua.) Oleh itu, (Ibu Ikrom, ingin mengahwini^{xiv} Zaleha dengan ikrom) tapi sedangkan ikrom sudah ada Hasnah. Zaleha sebenarnya adalah Hasnah.

Calon dapat mengemukakan fakta dan huraian yang tepat. Isinya cukup untuk mendapat markah maksimum.

Contoh jawapan yang sederhana.

(b) unsur kasih sayang

Pak usap yang menya

menyayang contohnya (pak usap yang menyayangi yazid dan ikram seperti anaknya sendiri) Perintaan dua

orang insan contohnya (ikram yang mencintai ~~ikram~~ abang menyayangi hannah sepenuh hatinya) kasih sayang seorang ibu

contohnya (ibu ikram yang berseorah dan singgah apabila yazid terpaksa ke rumah penarik) etc

kasih sayang seorang abang contohnya (ikram yang sanggup lari dari hospital semata mata bimbang akan adiknya kamil seorang diri di rumah) etc

kasih sayang seorang anak contohnya

(ikram yang sangat menyayangi ibunya) (Abingge sanggup tidak berkahwin dengan hannah kerana ingin menjaga hati

ibunya.) etc

Calon tidak membezakan antara fakta dengan contoh dan jawapan yang dikemukakan lebih kepada contoh.

KESILAPAN / KESALAHAN BAHASA CALON

Calon menggunakan bahasa yang tidak konsisten. Ayatnya kurang gramatis malah terdapat kesalahan struktur ayat. Terdapat juga penggunaan ayat yang berulang-ulang, panjang dan sukar difahami.

Terdapat kesalahan ejaan yang sangat ketara, penggunaan kata singkatan seperti **yg, dng, drp, dtg, dpt** dan sebagainya. Ada calon yang menggunakan bahasa atau loghat daerah.

Kesalahan lain yang masih ketara ialah tanda bacaan yang kurang diberi perhatian. Hal ini turut menjejaskan penggunaan huruf besar dan huruf kecil yang digunakan sewenang-wenangnya oleh calon.

Perbendaharaan kata calon agak terhad malah penggunaan istilah atau konsep sastera juga tidak betul. Hal ini menunjukkan penguasaan calon terhadap pengetahuan kesusasteraan agak lemah.

Tulisan yang kurang kemas dan sukar dibaca turut menjejaskan penguasaan bahasa calon.

SARANAN KEPADA CALON

1. Mesti menguasai semua teks yang telah ditetapkan. Penguasaan sebahagian cerita daripada teks akan menyebabkan calon gagal menjawab soalan di Bahagian Satu.
2. Menguasai teknik menjawab soalan.
3. Memahami istilah-istilah kesusasteraan.
4. Membuat latihan yang berterusan terutamanya soalan struktur yang lebih luas skopnya.
5. Memperbaiki tulisan supaya lebih jelas dan mudah dibaca.
6. Merancang jawapan sebelum menulis terutama untuk soalan esei.
7. Gunakan peruntukan markah yang diberi pada hujung setiap soalan sebagai panduan kapisiti jawapan.
8. Menjawab soalan mengikut arahan yang diberikan.
9. Membuat banyak latihan dan menjawab soalan bahagian dua dalam bentuk esei.
10. Membaca teks asal bukan buku ulasan atau cerita orang sahaja.
11. Tidak terlalu bergantung kepada buku ulasan kerana terdapat banyak fakta yang salah.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mengajar semua teks yang ditetapkan.
2. Menguasai teknik menjawab soalan.
3. Memahami istilah kesusasteraan dan dapat menjelaskannya kepada para pelajar.
4. Memberi latihan yang berterusan terutama yang berasaskan kemahiran menganalisis dan mengaplikasi.
5. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar berminat dan menguasai kemahiran menganalisis bahan sastera.
6. Menghabiskan sukatan dalam masa yang ditetapkan.
7. Memperbanyakkan latihan soal-soalan struktur.